

TEMA 1

KEKELUARGAAN

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 D | 2 A | 3 B | 4 C | 5 C |
| 6 A | 7 B | 8 C | 9 B | 10 B |

Bahagian B

- (a) Menempatkan pelbagai resort mewah dan selesa yang menjadi pilihan penginapan.
(b) Bertindak sebagai benteng dan perlindungan pantai terhadap ombak yang kuat serta menyediakan kawasan yang selamat dan penuh dengan makanan untuk tumbesaran anak-anak ikan.
(c) melihat / mengenali
(d) Bekalan makanan dan keperluan harian boleh diperolehi oleh penduduk kampung di Pulau Perhentian Kecil. ✓
- Saya akan memberitahu guru tentang keadaan ibu dan meminta kebenaran untuk tidak menghadiri latihan sukan. Saya akan membantu ibu melakukan kerja-kerja di rumah. Saya juga akan memastikan ibu berehat dan mengambil ubat supaya cepat sembuh.

Bahagian C

Grafik menunjukkan kebaikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan bersama keluarga. Antara kebaikan aktiviti bersama keluarga adalah dapat mengeratkan hubungan yang harmoni antara ibu bapa dengan anak-anak. Anak-anak akan berasa gembira dan ceria. Selain itu, ibu bapa juga dapat mengetahui prestasi pembelajaran anak-anak mereka. Aktiviti seperti ini dapat mengelakkan masalah sosial dan memupuk sikap menghormati sesama keluarga. Contoh aktiviti-aktiviti bersama keluarga adalah membersihkan halaman rumah, berkebun, makan malam bersama keluarga, mengajar anak-anak membuat kerja sekolah, membaca buku dan menonton televisyen bersama-sama.

Bahagian B

Karangan tidak berformat (Keperihalan)

Pada hujung minggu baru-baru ini, Farhana sekeluarga berkhemah di kawasan hutan lipur. Mereka bertolak awal pagi iaitu pada pukul lapan pagi bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Perjalanan mereka berjalan lancar. Farhana sangat teruja untuk pergi berkhemah. Dia sudah tidak sabar untuk melakukan aktiviti di sana nanti.

Pada pukul 11.00 pagi, Farhana dan keluarganya tiba di kawasan hutan lipur. Ayah dan abang Farhana meninjau kawasan terlebih dahulu untuk memilih tapak untuk memasang khemah. Setelah memilih tapak yang sesuai mereka meletakkan barang-barang dan mula memasang khemah.

Ayah Farhana memasang khemah dibantu oleh abangnya. Manakala ibunya pula menyediakan kelengkapan untuk memasak. Kakak pula mengambil tugas membersihkan kawasan. Farhana membantu mengambil air di sungai.

Farhana mengajak abang dan adik mandi. Air sungai itu sangat sejuk dan jernih. Ibu yang telah siap memasak memanggil mereka makan. Kakak Farhana mengajaknya makan di atas batu besar sambil menikmati pemandangan air sungai yang mengalir. Mereka makan dengan berselera.

Menjelang waktu petang, mereka bersiap untuk pulang. Sebelum pulang Farhana dan keluarganya membersihkan tapak perkhemahan. Farhana membantu ibu dan ayah memasukkan barang-barang ke dalam kereta. Ketika mereka bergerak pulang cuaca mulai mendung.

Farhana sekeluarga berasa sangat gembira. Selain dapat berkhemah di tepi sungai mereka juga dapat meluangkan masa bersama. Farhana berharap dapat berkunjung ke sana lagi suatu masa nanti.

Karangan berformat (Surat kiriman tidak rasmi)

No. 17

Taman Pinang Merah,
06200 Kepala Batas,
Kedah.

23 Jun 2025

Menemui sahabatku Farisya yang berada di Shah Alam, Selangor. Apa khabar Farisya di sana? Semoga Farisya sentiasa sihat dan gembira. Saya dan keluarga di sini sihat semuanya.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini ialah saya ingin berkongsi cerita gembira saya dan keluarga pergi berkhemah di sebuah hutan lipur yang terletak di Kulim, Kedah pada cuti sekolah yang lalu. Sejak awal pagi kami sudah bersiap-siap dengan membawa beberapa peralatan seperti khemah, pelampung dan alat lain. Cuaca pada hari itu sangat baik, dengan langit yang cerah dan angin yang berhembus lembut. Kami pergi dengan menaiki kereta.

Setelah dua jam perjalanan kami pun tiba di lokasi. Setibanya di sana, kami sangat terpujau dengan keindahan hutan lipur yang sangat cantik dengan air sungai yang mengalir jernih. Abang dan ayah saya meninjau sekitar kawasan untuk mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan khemah.

Setelah memilih tapak, ayah dan abang pun memasang khemah. Setelah selesai mengangkut barang ke tapak itu, saya menolong mengambil air di sungai. Kakak membersihkan kawasan tersebut. Ibu menyediakan barang untuk mula memasak.

Abang mengajak saya mandi sungai. Air sungai itu sangat jernih dan sejuk. Semasa mandi kami sentiasa berhati-hati. Ibu memanggil kami untuk makan setelah ibu selesai memasak. Menikmati makanan bersama keluarga dengan suasana hutan semula jadi yang segar dan tenang adalah pengalaman yang sangat bermakna dan menyeronokkan.

Menjelang petang, kami pun pulang ke rumah dengan hati yang gembira. Semua orang berasa puas hati dengan aktiviti yang kami lakukan dan berharap dapat pergi lagi.

Itulah pengalaman saya yang ingin saya kongsi dengan Farisya. Saya harap kita dapat merancang untuk pergi berkhemah bersama-sama pada masa akan datang.

Sekian dahulu, semoga Farisya gembira membaca surat ini.

Yang benar,

Syahila

TEMA 2

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 A | 3 C | 4 B | 5 C |
| 6 D | 7 A | 8 B | 9 B | 10 A |

Bahagian B

- (a) kerosakan gigi atau karies gigi.
(b) mengelakkan pelbagai jenis penyakit yang merosakkan gigi dan gusi.
(c) kebas
(d) Sebelum pulang, Sarah dinasihati oleh Doktor Farisya agar menjaga kebersihan gigi. ✓
- Shauki perlu berjumpa doktor untuk memeriksa tahap kesihatan diri. Shauki juga perlu mengamalkan amalan hidup sihat seperti rajin bersenam, tidur awal dan mengurangkan pengambilan makanan dan minuman yang manis.

Bahagian C

Grafik menunjukkan tentang amalan pemakanan sihat. Amalan pemakanan Pinggan Sihat Malaysia disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pinggan Sihat Malaysia menyarankan pengambilan makanan secara suku suku separuh yang terdiri daripada protein, karbohidrat dan serat. Pengambilan protein dan karbohidrat perlu diambil sebanyak satu perempat dan selebihnya ialah buah-buahan dan sayur-sayuran. Amalan pemakanan sihat dapat membantu meningkatkan kesihatan, mengurangkan risiko penyakit seperti diabetes, sakit jantung di samping mengelakkan obesiti. Pinggan Sihat Malaysia disarankan kepada individu yang ingin menjaga kesihatan diri.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Fakta)

Amalan gotong-royong merupakan amalan yang baik. Maksud gotong-royong ialah kerja yang dilakukan bersama-sama melibatkan sekumpulan orang. Aktiviti ini dilakukan di kampung, sekolah atau taman perumahan.

Kebaikan aktiviti gotong-royong ini ialah mampu memupuk perpaduan masyarakat. Melalui aktiviti ini kita dapat mengenali jiran tetangga yang seterusnya boleh mengeratkan hubungan. Kita dapat bersatu padu untuk menyiapkan tugas bersama-sama.

Selain itu, melalui aktiviti gotong-royong ini mampu menjamin kebersihan kawasan persekitaran. Sebagai contohnya tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes dapat dihapuskan. Secara tidak langsung dapat mewujudkan persekitaran yang cantik dan bersih. Kehidupan masyarakat akan semakin baik, sihat dan ceria.

Di samping itu, aktiviti gotong-royong dapat memudahkan kerja. Melalui gotong-royong, tugas yang sukar dilakukan bersama-sama yang boleh menjimatkan tenaga dan masa. Selain itu juga dapat menjimatkan perbelanjaan.

Kesimpulannya, Aktiviti gotong-royong banyak faedahnya. Aktiviti ini perlu dijadikan amalan dalam kehidupan bermasyarakat.

Karangan berformat (Surat kiriman rasmi)

Kelab Alam Sekitar
Sekolah Kebangsaan Desa Berseri
22000 Jerreh,
Terengganu.

Pengetua,
Sekolah Kebangsaan Desa Berseri
22000 Jerreh,
Terengganu.

25 April 2025

Tuan,

Pemohonan Kebenaran Penganjuran Program Gotong-royong Perdana

Merujuk perkara di atas, Kelab Alam Sekitar, Sekolah Kebangsaan Desa Berseri bercadang untuk mengadakan Program Gotong-royong Perdana Sempena Sambutan Hari Bumi peringkat sekolah pada 20 Mei 2025. Keputusan untuk mengadakan program ini telah dibincangkan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa Kelab Alam Sekitar.

2. Untuk makluman tuan, program ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar kepada warga sekolah. Diharapkan dengan penganjuran program gotong-royong ini secara tidak langsung dapat menyemai semangat cinta akan kebersihan alam sekitar dalam kalangan warga SK Desa Berseri.

3. Oleh itu besarlah harapan kami agar tuan dapat meluluskan program ini pada tarikh tersebut.

Akhir kata, kami amat berbesar hati dan berharap agar permohonan ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak tuan. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai.

Sekian. Terima Kasih

Yang benar,

Amira

(NUR AMIRA BINTI MUHAMMAD IRFAN)

Setiausaha,
Kelab Alam Sekitar,
Sekolah Kebangsaan Desa Berseri.

TEMA 3 KESELAMATAN

Bahagian A

1 C 2 D 3 C 4 D 5 B
6 B 7 B 8 A 9 D 10 D

Bahagian B

- (a) kebocoran paip
(b) Mengelakkan berlaku kebakaran akibat litar pintas.
(c) menutup
(d) Untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini, kita hendaklah selalu berwaspada. ✓
- Aisyah perlu menyekat akses lelaki tersebut daripada media sosial miliknya. Aisyah perlu menolak pelawaan lelaki tersebut dan tidak mendedahkan lokasi rumahnya. Dia juga perlu memberitahu ibu bapanya berkaitan perkara tersebut. Aisyah perlu berhati-hati dan mengelak daripada berinteraksi dengan orang yang tidak dikenali.

Bahagian C

Grafik menunjukkan langkah-langkah keselamatan ketika banjir. Terdapat beberapa langkah keselamatan yang perlu dilakukan ketika banjir. Antaranya ialah tidak kembali ke rumah tanpa arahan pihak berkuasa. Langkah ini bagi mengelakkan bahaya kerana air masih belum surut dan tidak selamat untuk diharungi. Elakkan juga menyentuh barangan elektronik kerana dikhuatiri peralatan tersebut rosak dan masih mempunyai arus elektrik. Renjatan elektrik boleh meragut nyawa. Awasi kanak-kanak dan halang mereka daripada bermain air banjir. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat haiwan berbisa seperti ular atau buaya. Kanak-kanak juga dikhuatiri terjatuh ke dalam longkang atau sungai. Selain itu, kita hendaklah minum air minuman yang dimasak atau yang berbungkus sahaja untuk mengelakkan keracunan.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Pengalaman)

Pada suatu hari Danial terjaga dari tidurnya. Jam menunjukkan pukul satu pagi. Dia merasakan bahang panas yang luar biasa, tidak seperti hari-hari sebelumnya. Danial juga terdengar bunyi bising dari luar rumah.

Danial segera mengejutkan ayahnya, Encik Azlan. Danial dan ayahnya memandang ke luar, dari jauh ternampak asap hitam dan api marak di sebuah rumah. Encik Azlan segera menelefon bomba.

Encik Azlan bersama beberapa orang jiran memberi pertolongan dengan berusaha memadamkan api sementara menunggu pasukan bomba tiba. Jiran-jiran yang lain berkumpul di kawasan lapang. Rumah Encik Ravi yang terlibat dalam kebakaran.

Keadaan semakin genting. Api semakin marak dan rumah itu terbakar dengan cepat. Tiba-tiba terdengar bunyi letupan yang kuat dari dalam rumah. Api sudah tidak dapat dikawal.

Mujurlah pasukan bomba pun tiba. Pasukan bomba bekerja dengan pantas untuk memadamkan kebakaran. Akhirnya api dapat dipadamkan dalam tempoh tiga puluh minit.

Walau bagaimanapun, keseluruhan rumah Encik Ravi musnah. Semua orang bersyukur kerana tiada mangsa yang cedera. Mangsa ditempatkan di dewan buat sementara. Danial dan semua jiran yang lain bersimpati dengan nasib Encik Ravi. Mereka menolong memberi bantuan kepada Encik Ravi sekeluarga.

Karangan berformat (Dialog)

Fatin pergi menemui sahabatnya Anis di rumah neneknya untuk bertanya khabar. Rumah ibu bapa Anis musnah dalam suatu kebakaran dua minggu lepas.

Fatin : Assalamualaikum Anis. Awak apa khabar?

Anis : Waalaikumussalam Fatin. Alhamdulillah saya sihat, kami semua sihat.

Fatin : Saya bersimpati dengan awak sekeluarga atas kejadian kebakaran yang berlaku.

Anis : Terima kasih Fatin kerana bersimpati dengan kami dan sudi datang bertanya khabar kami sekeluarga.

Fatin : Sama-sama. Kalau tak keberatan bolehkah saya bertanya berkenaan kejadian kebakaran itu? Semasa kejadian itu, awak dan keluarga awak berada di mana?

Anis : Boleh sahaja Fatin.. Semasa kejadian itu kami sekeluarga keluar membeli barang dan makan malam. Ketika perjalanan pulang bapa saya menerima panggilan telefon daripada jiran kami dan dia memberitahu berlaku kebakaran di rumah kami. Semasa kami tiba di rumah, api sedang marak. Jiran-jiran yang turut membantu memadamkan kebakaran juga tidak boleh berbuat apa-apa kerana api semakin besar. Lima minit kemudian pasukan bomba pun tiba. Pasukan bomba mengambil masa tiga puluh minit untuk memadamkan kebakaran itu.

Fatin : Begitu ceritanya.. Saya berharap awak dan keluarga awak tabah dan bersabar dengan takdir ini.

Anis : Alhamdulillah Fatin, kami pun sudah dapat menerima takdir yang berlaku dan berlapang dada.

Fatin : Alhamdulillah, bagus la kalau begitu. Anis, sebenarnya tujuan kedatangan saya ini juga adalah untuk menyampaikan sedikit sumbangan wang. Wang ini sebenarnya hasil derma daripada rakan-rakan sekelas kita. Semoga wang ini dapat membantu meringankan sedikit bebanan keluarga awak.

Anis : Terima kasih Fatin. Tolong sampaikan ucapan terima kasih saya kepada semua yang memberikan sumbangan.

Fatin : Sama-sama Anis. Insya-Allah nanti saya akan sampaikan ucapan terima kasih awak itu kepada mereka.

TEMA 4 PERPADUAN

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 B | 3 C | 4 D | 5 B |
| 6 A | 7 A | 8 D | 9 C | 10 D |

Bahagian B

- (a) bertengkar sesama mereka.
(b) Mereka gagal mematahkan batang aiskrim tersebut.
(c) cari jalan
(d) Cikgu Anita memberikan satu batang kayu aiskrim kepada Risi, Anisah dan Justin di dalam kelas. ✓
- Kamarul perlu memberitahu ibu bapanya dan menelefon pihak polis dengan segera. Kamarul perlu mengelakkan diri daripada bertindak berani sendirian. Penceroboh tersebut mungkin memiliki senjata berbahaya.

Bahagian C

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Antara kaum utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Perpaduan antara kaum dapat mengeratkan perhubungan dan membolehkan rakyat hidup secara bersama dengan aman. Terdapat beberapa cara untuk memupuk perpaduan kaum. Antaranya adalah dengan menghormati budaya dan adat resam kaum lain. Kita juga perlu bertegur sapa dengan jiran pelbagai kaum. Selain itu, kita boleh mengadakan rumah terbuka ketika perayaan dan menjemput rakan-rakan yang berlainan kaum. Sikap saling membantu antara satu dengan yang lain juga dapat menjalinkan hubungan yang baik dan erat.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Cerita)

Baru-baru ini keluarga saya mengadakan majlis rumah terbuka sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri. Majlis rumah terbuka tersebut juga diadakan bersempena majlis kesyukuran menduduki rumah baru.

Ibu dan ayah membuat persiapan sebelum tibanya hari tersebut. Antara persiapan yang dibuat adalah menjemput tetamu dan mengemas rumah. Selain itu, ibu dan ayah juga membeli barang-barang yang diperlukan untuk majlis itu.

Pada pagi hari majlis rumah terbuka tersebut, ayah dan abang membersihkan rumah agar bersih dan rapi. Ayah menunggu orang memasang khemah yang telah ditempah. Setelah khemah siap dipasang, abang dan ayah menyusun kerusi dan meja. Ibu dan ayah juga telah membuat tempahan makanan untuk dijamu kepada para tetamu.

Menjelang tengah hari, tetamu mulai datang. Para tetamu dijamu dengan pelbagai makanan yang kelihatan sangat menyelerakan. Antara juadah yang ada adalah rendang, lempang, sate dan lain-lain. Suasana pada hari itu sangat meriah dengan kehadiran tetamu pelbagai kaum.

Tetamu beransur pulang menjelang petang. Mereka mengucapkan terima kasih atas undangan. Walaupun penat tetapi kami sekeluarga sangat gembira. Kami sekeluarga berharap dapat mengadakan majlis rumah terbuka lagi pada tahun hadapan.

Karangan berformat (Syarahan)

Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, para hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru seterusnya rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Tajuk syarahan saya pada pagi ini ialah "Amalan Rumah Terbuka Mengeratkan Perpaduan Kaum".

Hadirin sekalian,

Amalan rumah terbuka merupakan salah satu cara yang kita boleh amalkan untuk memastikan negara kita sentiasa kekal harmoni. Rumah terbuka bermaksud amalan mengundang tetamu hadir ke rumah tanpa mengira latar belakang, pangkat atau agama. Tuan rumah akan menyediakan pelbagai juadah untuk dinikmati oleh tetamu yang datang bersilih ganti.

Amalan rumah terbuka ini secara tidak langsung dapat menerangkan budaya kunjung mengunjung. Keadaan ini memberi peluang kepada masyarakat untuk lebih mengenali antara satu sama lain. Tuan rumah akan meluangkan masa melayan tetamu yang hadir dan beramah mesra. Keadaan ini akan mengeratkan hubungan antara masyarakat.

Hadirin yang dihormati,

Amalan rumah terbuka sering diadakan ketika meraikan sesuatu perayaan. Antara majlis rumah terbuka yang lazimnya diadakan ialah majlis rumah terbuka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali. Amalan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat agar lebih mengenali dan memahami budaya dan adat resam kaum lain.

Sebagai contoh ketika rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri masyarakat dapat merasai keenakkan makanan tradisional seperti lempang, ketupat, rendang, kuah kacang dan lain-lain lagi. Begitu juga ketika majlis rumah terbuka bagi sambutan perayaan lain yang pasti terdapat makanan tradisional masing-masing. Selain itu, semasa rumah terbuka Tahun Baharu Cina, tetamu berpeluang melihat tarian singa dan acara membakar mercun atau bunga api. Manakala ketika majlis rumah terbuka sambutan Deepavali pula kita dapat melihat kolam yang sangat cantik dan berwarna-warni.

Hadirin sekalian,

Kesimpulannya, amalan rumah terbuka bukan sahaja meraikan perayaan tetapi juga merupakan satu langkah yang berkesan dalam mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia.

Sekian sahaja syarahan saya pada pagi ini. Marilah kita bersama-sama menyokong dan meneruskan amalan rumah terbuka ini, agar Malaysia terus maju sebagai sebuah negara yang harmoni, bersatu dan penuh dengan rasa cinta dan kasih sayang antara satu sama lain.

Bahagian A

1 B	2 B	3 B	4 B	5 C
6 D	7 A	8 A	9 D	10 C

Bahagian B

- (a) Wilayah Tamil Naidu di bahagian Selatan India.
(b) Terdapat tiga elemen penting iaitu ekspresi, melodi dan ritma.
(c) mudah / mahir
(d) Sejak 3,000 tahun dahulu, tarian Bharatanatyam ini dikatakan telah wujud. ✓
- Fauzan perlu menghadiri majlis tersebut dengan berpakaian sopan dan mengikut tema yang telah ditetapkan. Dia juga perlu berkelakuan sopan dan menghormati atur cara majlis. Fauzan boleh juga membawa hadiah untuk meraikan pasangan pengantin.

Bahagian C

Grafik menunjukkan kepentingan seni kraf tangan negara. Antara kepentingan seni kraf tangan negara adalah menghargai seni budaya tempatan. Seni kraf tangan negara adalah satu warisan budaya yang harus dikekalkan. Seni kraf tangan adalah hasil kerja tangan yang sangat halus dan indah. Kepentingan lain adalah seni kraf tangan negara mampu untuk menjana pendapat masyarakat terutama masyarakat yang tinggal di luar bandar. Hasil kraf tangan ini mempunyai nilai harga yang agak tinggi. Selain itu, dengan adanya seni kraf tangan ini dapat menjadi penyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara. Pelancong dari luar negara yang tertarik dengan hasil barangan kraf tangan negara kita, sudah tentu akan berkunjung ke negara kita. secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan negara.

Bahagian D
Karangan tidak berformat (Fakta)

Tarian Singa atau dalam bahasa Mandarin disebut sebagai 'wu shi'. Tarian ini merupakan tarian tradisional dalam adat warisan masyarakat Cina. Tarian Singa dianggap sebagai penyeri atau pelengkap sambutan Tahun Baharu Cina. Kaum Cina percaya tarian ini membawa tuah kepada mereka jika persembahan diadakan di kediaman atau premis perniagaan masing-masing.

Penari yang memakai kostum singa akan meniru pergerakan singa. Tarian Singa dimainkan oleh dua penari iaitu seorang penari akan memainkan di bahagian hadapan dengan menggerakkan kepala kostum manakala pasangan penari akan memainkan bahagian belakang kostum singa tersebut. Kedua-dua penari itu akan bergerak seakan-akan pergerakan seekor singa. Tarian singa ini turut diiringi dengan paluan gong, dram dan dentuman mercun.

Ramai yang teruja dengan tarian singa tidak mengira kaum dan agama. Kelincahan dan keunikan pergerakan 'singa' menjadi daya penarik kepada penonton. Kini, kumpulan tarian singa bukan sahaja dianggotai oleh kaum Cina malah turut dianggotai oleh pelbagai bangsa.

Karangan berformat (Wawancara)

Minggu lalu, saya berpeluang menemubual Encik Lim seorang penari tarian singa yang berpengalaman. Encik Lim, mula menari tarian singa sejak muda. Beliau berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai tarian singa yang merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat Cina.

- Saya : Encik Lim, bolehkah Encik Lim ceritakan sedikit tentang latar belakang tarian singa?
- Encik Lim : Ya, boleh. Tarian singa berasal daripada negara China, seterusnya tarian ini diperkenalkan di Malaysia sejak lama dahulu. Tarian ini sering dipersembahkan semasa perayaan Tahun Baharu Cina. Hal ini demikian kerana tarian ini dipercayai boleh membawa tuah dan bertujuan untuk menghalau roh jahat.
- Saya : Berapakah bilangan penari dalam tarian singa ini?

Encik Lim : Tarian ini melibatkan dua orang penari di dalam kostum singa yang besar. Mereka bertanggungjawab menggerakkan kostum singa berkenaan seakan-akan pergerakan seekor singa.

Saya : Pada pandangan Encik Lim, apakah keistimewaan tarian singa?

Encik Lim : Tarian singa bukan sekadar hiburan, tetapi ianya membawa simbolik yang sangat bermakna. Tarian ini melambangkan keberuntungan dan kesatuan masyarakat. Melalui tarian ini, saya dapat menghargai warisan budaya dan meneruskannya kepada generasi akan datang.

Saya : Apakah cabaran utama dalam tarian singa?

Encik Lim : Salah satu cabaran terbesar adalah pergerakan antara dua penari yang perlu bergerak serentak. Selain itu, kostum singa yang berat juga memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi.

Saya : Baiklah Encik Lim. Terima kasih kerana sudi ditemubual. Saya sangat menghargainya.

Encik Lim : Sama-sama. Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada semua.

Bahagian A

1 C	2 D	3 B	4 A	5 A
6 B	7 A	8 B	9 D	10 A

Bahagian B

- (a) plastik yang terapung kelihatan seperti obor-obor, rumput laut atau alga.
(b) sesak nafas dan mati kerana plastik tidak boleh dihidam.
(c) manusia / sampah / plastik / laut
(d) Sisa plastik yang disangkakan makanan mengakibatkan penyu mati. ✓
- Azman perlu mendaftar dengan myIPO atau Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk melindungi hasil ciptaannya. Dia juga boleh bekerjasama dengan agensi tertentu untuk membantu memperkenalkan ciptaannya. Azman boleh membuat demonstrasi atau pameran tentang hasil ciptaannya di sekolah atau di premis lain.

Bahagian C

Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah menyebabkan penghasilan pelbagai peralatan moden seperti telefon pintar. Kini terdapat pelbagai model telefon pintar yang mempunyai ciri-ciri menarik. Telefon pintar boleh berfungsi sebagai alat kawalan jauh. Dengan telefon pintar juga kita boleh membuat panggilan video. Telefon pintar turut menjadi alat komunikasi dan perhubungan yang membantu kita berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan yang jauh. Kita boleh melayari Internet dan mengakses maklumat terkini menerusi laman sosial. Para pelajar pula boleh menjalani pembelajaran secara maya. Telefon pintar turut mempunyai aplikasi permainan dan hiburan yang membolehkan kita mendengar lagu, menonton video dan bermain permainan kegemaran.

Bahagian D
Karangan tidak berformat (Cerita)

Baru-baru ini Azril telah menerima khabar gembira. Azril telah terpilih menerima anugerah Tokoh Inovasi Muda peringkat negeri. Azril dijemput menerima anugerah tersebut di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

Azril mempunyai minat mereka cipta secara suka-suka. Walau bagaimanapun dia tidak menyangka hasil ciptaan membuahkan hasil. Azril selalu mendapat dorongan daripada Cikgu Adha dan bantuan daripada kawan-kawannya.

Ibu bapa Akmal turut memberi sokongan terutama dari segi kewangan. Azril memerlukan wang untuk membeli peralatan yang diperlukan untuk menghasilkan ciptaannya.

Azril telah mencipta alat mengukur saiz kaki secara automatik. Pengguna hanya perlu meletakkan kaki di atas alat yang telah reka itu. Secara automatik saiz sebenar kasut pengguna akan keluar di paparan skrin. Alat ini sangat berguna dan memudahkan pengguna untuk memilih saiz kasut yang betul.

Penerimaan anugerah ini menjadikan Azril lebih bersemangat untuk mereka cipta. Azril berjanji akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengharumkan nama sekolah dengan mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.

Karangan berformat (Catatan)

Rabu, 7 Ogos 2025

7.30 pagi

Aku bersiap-siap hendak ke sekolah. Aku ditemani oleh ibu dan ayahku. Pada hari ini sekolahku mengadakan Majlis Anugerah Tokoh Inovasi.

8.00 pagi

Aku sekeluarga sampai di sekolah. Semua murid dan ibu bapa serta guru-guru berkumpul di dewan sekolah.

9.00 pagi

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu negeri dan lagu rasmi sekolah. Seterusnya bacaan doa oleh Ustaz Mansor.

9.30 pagi

Ucapan alu-aluan dan perasmian majlis oleh Encik Muhammad Rosli, guru besar sekolah.

10.00 pagi

Persembahan nyanyian dan juga persembahan video hasil kerja inovasi oleh murid.

12.00 tengah hari

Ketua hakim bersedia untuk mengumumkan keputusan setiap pertandingan dan aktiviti yang diadakan sepanjang minggu tersebut. Semua peserta dan penonton menunggu keputusan dengan penuh debaran. Aku melompat kegembiraan sebaik-baik sahaja namaku diumumkan menerima anugerah Tokoh Inovasi Muda peringkat sekolahku. Aku sangat bersyukur kerana telah menerima anugerah ini. Aku akan mewakili sekolahku ke peringkat seterusnya.

12.30 tengah hari

Majlis selesai. Aku dan keluargaku pulang ke rumah. Aku membawa pulang sekeping sijil penghargaan. Ibu dan ayahku berasa bangga akan pencapaianku.

TEMA 7

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Bahagian A

1 C	2 D	3 B	4 A	5 C
6 B	7 C	8 C	9 C	10 C

Bahagian B

- Mempunyai kandungan protein, Omega-3, vitamin, kalsium dan zat besi.
 - Ikan tilapia senang ditanam, dijaga, membiak dengan cepat serta mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.
 - senang / cepat / tinggi
 - Haiwan omnivor seperti ikan tilapia memakan tumbuh-tumbuhan, daging atau lumut di dalam kolam. ✓
- Amelia perlu mendapatkan nasihat daripada guru mereka. Amelia dan rakan-rakan juga boleh bertanya tentang kaedah penanaman sayur daripada pengusaha tanaman yang berdekatan. Amelia dan rakan-rakan boleh mendapat maklumat tentang penanaman sayur dengan melayari Internet dan membaca buku yang berkaitan.

Bahagian C

Pokok pisang banyak ditemui dan tumbuh subur di negara tropika seperti Malaysia. Pokok pisang digelar pokok seribu guna kerana terdapat banyak kegunaannya. Daun pisang boleh digunakan untuk membungkus nasi lemak, kuih dan ikan bakar. Buah pisang pula boleh dibuat kuih-muih, pengat dan dimakan sebagai pencuci mulut. Pisang yang muda boleh dibuat kerepek. Umbut pisang pula boleh dijadikan ulam. Jantung pisang boleh dibuat ulam, kerabu dan gulai. Batang pisang pula boleh dijadikan rakit dan tali.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Keperihalan)

Pada cuti sekolah baru-baru ini aku dan rakan-rakan sekelasku mengikuti rombongan sekolah melawat ladang sayur-sayuran di Tanah Tinggi Cameron. Perjalanan kami bermula awal pagi. Kami pergi dengan menaiki bas yang disewa khas. Aku sangat gembira dan tidak sabar untuk memulakan perjalanan.

Setelah dua jam perjalanan rombongan kami pun tiba di sana. Jam menunjukkan pukul 10 pagi. Suasana di Tanah Tinggi Cameron sangat sejuk dan nyaman. Kami dibawa ke sebuah ladang sayur-sayuran yang sangat luas. Dari jauh kami nampak kawasan ladang yang menghijau dengan sayur-sayuran.

Kelihatan petani sedang mencangkul tanah untuk membuat batas. Ada yang menaburkan benih, membaja dan menyiram tanaman. Di bahagian ladang yang lain pula ada petani yang sedang memetik sayur yang sudah matang. Kami juga berpeluang memetik sayur-sayuran. Terdapat pelbagai jenis sayuran seperti kobis, lobak merah, sawi, cili dan sebagainya.

Selain itu, di suatu bahagian ladang itu, terdapat juga pokok kaktus dan bunga-bunga. Semua hasil tanaman di situ boleh dibeli dengan harga yang murah. Aku membeli pokok kaktus untuk dijadikan buah tangan kepada ibu. Begitu juga dengan rakan-rakanku yang lain, ada yang membeli bunga dan sayur-sayuran untuk dibawa pulang.

Pada pukul 5 petang kami pun bergerak pulang. Aku berasa sangat penat. Ada rakan-rakanku tidur kepenatan setelah menaiki bas. Walaupun kepenatan, aku berasa gembira dengan pengalaman yang diperolehi pada hari itu. Pengalaman ini pasti tidak akan kulupakan kerana inilah pertama kali aku menjajakkan kaki ke Tanah Tinggi Cameron.

Karangan berformat (Laporan)

Laporan Lawatan Sambil Belajar ke Ladang Sayur-sayuran di Tanah Tinggi Cameron Kelab Pertanian Sekolah Kebangsaan Tanjung Pari

Pada 16 Oktober 2025, Sekolah Kebangsaan Tanjung Pari (SK Tanjung Pari) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke ladang sayur-sayuran di Tanah Tinggi Cameron. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada murid tentang kepelbagaian alam, pertanian dan budaya yang ada di Tanah Tinggi Cameron. Di samping untuk merangsang minat dan memupuk perasaan cinta akan alam sekitar.

Lawatan ini disertai seramai 36 orang murid dan empat orang guru pengiring. Lawatan ini diadakan selama dua hari, satu malam. Bermula pada 16 Oktober sehingga 17 Oktober 2025. Seawal jam lapam malam murid berkumpul di dataran sekolah yang dihantar oleh para waris. Pada pukul 8.30 malam Ustaz Zaki memberi sedikit taklimat kepada murid dan diakhiri dengan bacaan doa untuk keselamatan sepanjang perjalanan dan program ini berlangsung. Tepat pukul sembilan malam bas yang membawa peserta lawatan itu bergerak meninggalkan dataran sekolah.

Perjalanan berjalan lancar. Tepat pukul enam pagi rombongan tiba di Tanah tinggi Cameron. Setelah selesai mandi dan solat, murid-murid diberikan sarapan sebelum memulakan lawatan.

Cuaca pada pagi itu sangat cerah dan angin bertiup perlahan. Murid-murid dibawa melawat beberapa tempat menarik, seperti ladang teh, ladang buah-buahan dan sayur-sayuran. Murid dapat melihat kaedah pertanian yang digunakan. Murid berpeluang memetik dan makan buah strawberi yang sangat segar. Seterusnya murid juga dibawa melawat ladang bunga dan taman rama-rama. Terdapat pelbagai spesies bunga-bunga dan juga rama-rama.

Murid-murid juga berpeluang membeli hasil tanaman dengan harga yang murah di ladang-ladang yang dilawati.

Sebelum bergerak pulang, murid-murid juga dibawa melawat kedai cenderahati. Terdapat pelbagai cenderahati yang boleh dibeli sebagai kenang-kenangan.

Rombongan selamat tiba di sekolah pada pukul dua belas malam. Walaupun kepenatan para peserta sangat gembira dan berpuas hati.

Laporan disediakan oleh,

20 Oktober 2025

Sara

(IZZ ZARA BINTI MOHD ISKANDAR)

Guru Penasihat,

Kelab Pertanian,

Sekolah Rendah Kebangsaan Tanjung Pari.

TEMA 8

EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 B | 2 D | 3 B | 4 A | 5 A |
| 6 D | 7 C | 8 B | 9 B | 10 C |

Bahagian B

- (a) produknya mendapat tempat di pasaran.
(b) Teknologi terkini yang boleh digunakan ialah E-dagang dan media sosial.
(c) aktif / cepat
(d) Usahawan perlu bijak menyelesaikan masalah ✓
- Terdapat beberapa langkah yang boleh Maria lakukan. Maria tidak boleh boros berbelanja dan menggunakan wang tersebut sewenang-wenangnya. Wang yang diterimanya boleh disimpan di dalam bank atau tabung pendidikan seperti SSPN. Selain itu, Maria juga boleh membuat pelaburan dalam institusi kewangan yang dipercayai seperti Unit Amanah.

Bahagian C

Pengguna bijak ialah pengguna yang mempunyai ilmu tentang asas-asas kepenggunaan. Antara ciri-ciri pengguna yang bijak ialah membeli mengikut keperluan dan tidak boros berbelanja. Selain itu, pengguna yang bijak akan membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan. Pengguna yang bijak akan membuat aduan jika tertipu dan membeli barangan yang berkualiti. Selain itu, pengguna yang bijak sentiasa menyokong barangan tempatan dan mengelak daripada berhutang terutamanya untuk barangan yang bukan keperluan.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Cereka)

Pada hari Ahad minggu lepas bapa mengajak kami sekeluarga ke pasar malam. Kami pergi ke sana pada pukul 6.00 petang dengan menaiki kereta.

Kami tiba di pasar malam pada pukul 6.30 petang. Ramai orang membeli-belah di sana. Suasana di pasar malam riuh-rendah dengan suara penjual dan pembeli tawar-menawar.

Ibu pergi ke gerai sayur dan ikan untuk membeli barang keperluan. Tawar-menawar berlaku antara ibu dengan penjual. Akhirnya ibu berjaya mendapatkan harga yang lebih murah untuk ikan dan sayur yang hendak dibelinya.

Selepas itu, saya dan adik pergi ke gerai yang menjual baju. Kami hendak membeli baju. Saya dan adik rambang mata ketika melihat baju-baju yang cantik semuanya. Kami memilih baju yang kami suka dan terus membayar. Penjual itu sangat ramah dan sabar melayan kerenah kami.

Seterusnya, kami pergi ke gerai makanan. Terdapat banyak pilihan makanan yang sedap dijual di sini. Kami membeli nasi tomato, ayam goreng, mi goreng, cendol, kuih-muih dan lain-lain lagi.

Setelah selesai membeli, kami pun pulang ke rumah. Saya dan adik sangat gembira kerana bapa membawa kami pergi ke pasar malam. Saya berharap agar dapat pergi ke pasar malam lagi nanti.

Karangan berformat (Dialog)

Sara dan ayahnya tiba di pasar malam. Cuaca pada petang itu cerah dan angin bertiup lembut.

Ayah : Sara, apakah makanan yang kamu hendak makan?

Sara : Saya hendak makan young taufu, ayah. Di manakah kedai menjual young taufu, ayah?

Ayah : Kedai menjual young taufu ada di hujung di sebelah kanan sana. Jom, kita ke sana!

Sara : Baiklah ayah. Jom!. Ayah tadi ibu ada berpesan supaya membeli ikan bilis dan sayur-sayuran.

Ayah : Baiklah, selepas membeli pilihan makanan ini kita akan pergi ke bahagian barangan basah di sebelah belakang sana.

Sara : Wah banyaknya makanan! Saya rambang mata. Semua makanan kelihatan sangat sedap.

Ayah : Di sini terdapat banyak pilihan makanan. Ramai orang suka membeli di sini. Lagi pun makanan di sini mempunyai harga yang berpatutan dan rasanya juga sedap.

Sara : Oh begitu..

Ayah : Sara, apa lagi yang kamu mahu beli?

Sara : Saya rasa hendak makan buah anggur, bolehkah kita membelinya nanti?

Ayah : Ya Sara, boleh. Selepas kita membeli buah nanti, kita harus pulang sebab sudah menghampiri waktu solat maghrib.

Sara : Baiklah ayah.

TEMA 9

INTEGRITI

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 B | 3 B | 4 C | 5 D |
| 6 B | 7 B | 8 B | 9 D | 10 C |

Bahagian B

- (a) integriti diri akan kukuh.
(b) Negara akan musnah jika pemimpin tidak amanah.
(c) Rajin / malas / ikhlas
(d) Hidup akan sejahtera tanpa rasuah. ✓
- Saya akan melihat sekeliling jika ada sesiapa yang berdekatan dan merupakan pemilik dompet tersebut. Jika tiada, saya akan meneliti dompet tersebut untuk mengenal pasti siapa pemiliknya. Saya akan menghubungi pemilik dompet untuk memulangkannya kembali. Jika tiada maklumat pemilik, saya akan menyerahkan dompet tersebut ke balai polis yang berdekatan.

Bahagian C

Integriti ialah mempunyai sifat kejujuran dan ketulusan dalam melakukan sesuatu perkara. Murid yang berintegriti mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Antara ciri-ciri murid yang berintegriti ialah sentiasa akur dan mendengar arahan daripada guru dan melaksanakan tanggungjawab di sekolah dengan amanah. Murid yang berintegriti akan belajar dengan tekun supaya berjaya dengan cemerlang. Mereka juga sentiasa hormat dan taat kepada ibu bapa dan sentiasa mendengar nasihat. Murid yang berintegriti sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni seperti menghormati orang yang lebih tua dan membantu golongan yang memerlukan.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Cerita)

Baru-baru ini sekolah saya, Sekolah Kebangsaan Taman Jaya telah mengadakan sambutan sempena Hari Integriti. Seminggu sebelum sambutan itu berlangsung murid dan guru sibuk membuat persiapan. Antara persiapan yang kami lakukan adalah mencetak poster dan menyediakan barang-barang yang akan digunakan ketika pameran pada hari sambutan itu.

Pada hari sambutan itu berlangsung kami membantu guru menyusun meja dan mengemas tapak jualan. Selepas itu, kami menghias tapak jualan dan pameran dengan hiasan yang menarik. Kami dan guru-guru kami bersedia menanti kedatangan pengunjung.

Pada hari itu pelbagai aktiviti diadakan. Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran, jualan produk komuniti, aktiviti demonstrasi dan persembahan murid. Saya juga mengambil bahagian dalam acara persembahan murid iaitu persembahan lakonan. Saya berasa sangat teruja kerana pertama kali saya terlibat dengan persembahan lakonan.

Suasana sambutan pada hari itu sangat meriah. Program tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Hasil jualan pada hari itu akan disumbangkan kepada tabung kebajikan.

Menjelang pukul dua petang program pun selesai. Walaupun penat saya berasa sangat gembira kerana dapat melibatkan diri dalam aktiviti sekolah.

Karangan berformat (Surat kiriman tidak rasmi)

No. 28 Taman Sri Serdang,
Jalan 18/58,
43300 Serdang,
Selangor.
25 Mei 2025

Menemui sahabatku Dania yang berada di Raub, Pahang. Apa khabar Dania di sana? Semoga Dania sentiasa sihat dan gembira. Saya dan keluarga di sini sihat semuanya.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini ialah saya ingin berkongsi cerita mengenai Sambutan Hari Integriti di sekolah saya minggu lepas. Beberapa hari sebelum sambutan berlangsung saya dan guru-guru saya membuat persiapan awal. Antara persiapan yang kami lakukan adalah mencetak poster dan menyediakan barang-barang yang akan digunakan ketika pameran pada hari sambutan berkenaan.

Pada hari sambutan itu berlangsung saya membantu guru menyusun meja dan mengemas tapak jualan. Kami menghias tapak jualan dan pameran dengan hiasan yang cantik dan menarik.

Pelbagai aktiviti diadakan pada hari itu. Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran, jualan produk komuniti, aktiviti demonstrasi dan persembahan murid. Saya juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam acara persembahan murid iaitu persembahan sajak. Suasana pada hari itu sangat meriah.

Pada pukul satu petang sambutan pun selesai. Walaupun penat saya berasa sangat gembira kerana dapat melibatkan diri dalam aktiviti sekolah.

Itulah pengalaman saya yang ingin saya kongsi dengan Dania. Saya harap Dania gembira membaca surat saya ini. Semoga Dania juga sudi berkongsi pengalaman-pengalaman menarik yang Dania lalui.

Sampai di sini sahaja coretan saya untuk kali ini. Semoga bertemu lagi di lain lembaran.

Yang benar,
Amira

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

Bahagian A

1 D	2 C	3 D	4 A	5 D
6 A	7 B	8 D	9 C	10 D

Bahagian B

- (a) merawat dan melayani penulis dengan sabar.
(b) ibu bapa banyak berkorban untuk membesarkan kita tanpa mengharap balasan.
(c) jemu
(d) Segala pengorbanan itu tidak dapat dibayar. ✓
- Saya akan bertegur sapa dengan murid tersebut dan memperkenalkan diri. Saya juga akan membantunya menunjukkan kawasan sekolah seperti lokasi tandas, pusat sumber, kedai buku dan makmal komputer. Pada waktu rehat saya akan mengajaknya ke kantin bersama-sama. Saya juga akan meminta murid lain supaya berkawan dengan murid tersebut supaya dia berasa selesa di sekolah baru.

Bahagian C

Stres adalah tindak balas emosi, fizikal dan mental akibat perubahan dalam sesuatu keadaan. Stres boleh berlaku kepada sesiapa sahaja termasuklah remaja. Terdapat beberapa punca yang mengakibatkan remaja stres. Antaranya menjadi mangsa buli, sama ada secara fizikal atau mental. Keletihan akibat tiada rehat yang mencukupi juga boleh menyebabkan remaja stres. Contohnya terlalu padat dengan aktiviti di sekolah dan juga di rumah. Selain itu, masalah keluarga seperti perceraian, pergaduhan dan persekitaran tempat tinggal yang sesak juga boleh menjadi punca stres. Jika tidak ditangani, boleh menyebabkan remaja tersebut kemurungan dan menjejaskan emosinya.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Keperihalan)

Sudah tiga hari hujan turun dengan tidak berhenti-henti. Air sungai semakin naik mencapai paras bahaya. Keesokannya air sungai mula melimpah. Air mula menenggelami kawasan kampung.

Akmal dan penduduk Kampung Sentosa berasa bimbang. Mereka mula memindahkan barang-barang dan dokumen penting ke tempat yang selamat. Pasukan penyelamat membawa Akmal sekeluarga ke pusat pemindahan sementara dengan menaiki bot penyelamat.

Semasa di pusat pemindahan mangsa banjir mereka diberi bantuan makanan dan rawatan perubatan. Akmal tidak dapat melepaskan mata. Dia berasa khuatir tentang keadaan rumahnya.

Pada hari ketiga, air pun surut. Akmal dan penduduk kampung yang lain pun dibenarkan pulang.

Sepanjang perjalanan pulang ke rumah Akmal berasa sayu. Dia melihat banyak kerosakan dan sampah sarap bertaburan. Begitu juga dengan bangkai haiwan bergelimpangan. Setelah tiba di rumah, Akmal sedih melihat banyak barang yang rosak dan dihanyutkan air.

Keadaan banjir pada kali ini memusnahkan banyak harta benda dan ternakan penduduk kampung. Akmal berharap banjir tidak akan melanda lagi dalam waktu terdekat.

Karangan berformat (Berita)

KOTA SETAR, Ahad 13 Mei – keadaan di beberapa tempat yang dilanda banjir di Kedah bertambah baik apabila 200 orang penduduk yang dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa banjir telah dibenarkan pulang. Paras air mulai surut di kawasan rumah mereka.

Kejadian banjir ini berlaku disebabkan hujan lebat turun tidak berhenti-henti selama beberapa hari. Keadaan ini menyebabkan banyak kawasan rendah dinaiki air dengan cepat.

Pihak berkuasa telah mengarahkan semua penduduk yang terlibat dengan banjir berpindah ke pusat pemindahan. "Semua mangsa banjir ditempatkan di 17 pusat pemindahan yang dibuka di seluruh negeri," kata jurucakap Bilik Gerakan Banjir. Di pusat perpindahan, mangsa-mangsa banjir dibekalkan dengan makanan, pakaian dan selimut.

Menurut penduduk kampung, keadaan banjir pada kali ini antara yang paling teruk. Hal ini disebabkan oleh terdapat aktiviti pembalakan haram yang berlaku di hutan simpan berhampiran. Masalah hakisan tanah telah terjadi dan telah memburukkan lagi keadaan.

Pihak kerajaan negeri dan kerajaan pusat memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Antara bantuan yang diberikan ialah wang tunai, makanan dan pakaian. Bantuan ini dapat membantu meringankan beban mangsa banjir.

Mangsa banjir sangat bersyukur atas bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Mereka berharap banjir besar seperti tahun ini tidak akan berulang lagi.

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Bahagian A

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 C | 2 D | 3 A | 4 C | 5 B |
| 6 B | 7 C | 8 C | 9 A | 10 B |

Bahagian B

- (a) Bapa Adam bekerja sebagai pekerja pembersihan.
(b) mencari wang saku untuk membeli basikal.
(c) memberikan
(d) Adam membantu Pak Husin di kedai untuk mencari wang saku. ✓
- Saya akan mengadukan perkara tersebut kepada pihak yang berkenaan seperti majlis perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Aduan ini dibuat kerana peralatan yang rosak boleh membahayakan keselamatan pengguna terutamanya kanak-kanak. Saya juga akan menasihati kanak-kanak itu supaya tidak lagi bermain di taman permainan tersebut.

Bahagian C

Murid yang cemerlang ialah murid yang seimbang dari segi akhlak, sahsiah dan akademik. Antara ciri-ciri murid cemerlang ialah mempunyai akhlak yang baik. Murid yang cemerlang sentiasa taat dan patuh kepada ibu bapa dan guru. Mereka sentiasa membantu orang lain termasuk ibu bapa dan guru. Selain itu, murid yang cemerlang sentiasa bersungguh-sungguh dan menumpukan perhatian ketika belajar, rajin membuat ulang kaji dan menyiapkan latihan di rumah.

Bahagian D

Karangan tidak berformat (Fakta)

Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum sudah pasti mempunyai pelbagai jenis makanan tradisional. Setiap kaum mempunyai makanan tradisional tersendiri yang menjadi lambang budaya dan identiti masyarakat. Makanan tradisional di Malaysia sangat enak dan unik.

Makanan tradisional biasanya menggunakan bahan semula jadi seperti santan, daun pandan, rempah-ratus dan sebagainya. Antara contoh makanan tradisional masyarakat Melayu seperti rendang, nasi lemak dan kuih-muih seperti kuih lapis dan seri muka. Manakala makanan tradisional kaum Cina pula ialah dim sum, kuih bulan, dan yee sang. Seterusnya kaum India pula terkenal dengan capati, tosei, dan nasi beriani.

Makanan tradisional ini juga mempunyai cara penyediaannya yang khusus, di samping memerlukan kemahiran khas. Hal ini demikian adalah bertujuan untuk menyeimbangkan rasa dan bau.

Selain itu, makanan tradisional juga mempunyai nilai sejarah dan budaya. Makanan ini sering dihidangkan pada hari perayaan dan majlis khas seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali.

Kesimpulannya, masyarakat pada hari ini terutama generasi muda perlu menghargai dan mempelajari cara menyediakan makanan tradisional agar warisan ini tidak hilang ditelan zaman. Makanan tradisional memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Karangan berformat (Laporan)

Laporan Pameran Makanan Tradisional 2025 Sekolah Kebangsaan Taman Anggerik

Pameran makanan tradisional diadakan di perkarangan Sekolah Kebangsaan Taman Anggerik (SK Taman Anggerik) pada 16 Jun 2025. Tujuan pameran tersebut diadakan adalah untuk memperkenalkan identiti kaum melalui makanan.

Pihak pengurusan sekolah membuka penyertaan kepada masyarakat umum yang ingin mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Penduduk berlainan kaum mengambil peluang mempamerkan makanan tradisi mereka. Makanan tradisional adalah makanan istimewa bagi setiap kaum. Makanan ini lazimnya dihidangkan ketika perayaan tertentu.

Terdapat banyak tapak pameran yang terdiri daripada kaum Melayu, India, Cina, bumiputera Sabah dan Sarawak serta lain-lain kaum. Setiap tapak mempamerkan pelbagai jenis makanan yang lazat. Terdapat rendang, ketupat, kuih bulan, beriani, tose dan lain-lain lagi.

Tetamu jemputan iaitu Tuan Bakri bin Haji Sani, yang merupakan pegawai di pejabat pendidikan daerah turut hadir bagi merasmikan program pameran tersebut. Semua pengunjung berpeluang menjamah hidangan yang dipamerkan. Terdapat juga gerai jualan dan demonstrasi menyediakan makanan tradisional.

Program berlangsung dengan sangat meriah dan mendapat sambutan yang sangat hebat daripada pelbagai masyarakat. Program pameran seperti ini perlu dijadikan sebagai acara tahunan. Melalui program pameran seumpama ini dapat mendedahkan masyarakat terutama golongan muda dengan makanan tradisional pelbagai kaum.

Laporan disediakan oleh,

20 Jun 2025

Amilia

(ATIKA AMILIA BINTI HARIS)

Setiausaha,
Pameran Makanan Tradisional 2025,
Sekolah Kebangsaan Taman Anggerik.